

11/09/1998

Zahid enggan letak jawatan Ketua Pemuda

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi enggan melepaskan jawatan itu, sebaliknya menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk memutuskan kedudukannya.

Beliau, yang dianggap penyokong kuat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, berdasarkan Perlembagaan Umno dan peraturan pergerakan itu, Exco tidak boleh memecat ketua atau mana-mana anggotanya.

Menurutnya, jika ada rasa tidak puas hati kepada ketua atau mana-mana Exco yang dipilih itu, prosedurnya ialah menyerahkan kedudukan berkenaan kepada Presiden dan MT menentukannya.

Malah, katanya, mesyuarat Exco pergerakan itu hari ini, bersetuju sebulat suara untuk menyerahkan soal kedudukannya itu kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MT parti membuat keputusan.

"Saya fikir itu keputusan paling adil yang kita buat sebab mereka tak boleh paksa saya meletak jawatan atau mereka tak boleh paksa saya mengundur diri.

"Yang boleh mereka buat ialah merayu supaya saya letak jawatan. Jadi, keputusan saya, saya tak lepaskan jawatan, sebaliknya serahkan kedudukan seperti disebutkan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Mesyuarat hampir lima jam itu dihadiri Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, semua Exco pergerakan dan ketua Pemuda negeri kecuali Ketua Pemuda Kedah, Abdul Halim Said.

Selain membincangkan soal Zahid, mesyuarat hari ini juga menolak gerakan reformasi yang dilaungkan oleh Anwar dan menyatakan pendirian sedia menghadapi perkara itu.

Zahid turut mengumumkan keputusan mesyuarat hari ini, yang sebulat suara memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir sebagai Presiden parti selaras keputusan mesyuarat Pemuda pada 8 September lalu.

Sambil membayangkan sidang akhbarinya hari ini, mungkin yang terakhir sebagai Ketua Pemuda Umno, Zahid mengaku ada anggota Exco secara terbuka memintanya meletak jawatan ekoran isu pemecatan Anwar.

"Saya tidak mahu beritahu berapa tetapi ia tidak sebulat suara," katanya sambil menjelaskan, keputusan yang diambilnya itu amat berat bagi dirinya.

Difahamkan, mesyuarat Exco Pemuda hari ini agak hangat dengan semua yang hadir diberi peluang memberikan pandangan.

Sebelum ini, Zahid menerima desakan daripada beberapa pemimpin Pemuda negeri dan bahagian supaya berundur secara terhormat kerana gagal menyatakan pendiriannya berhubung pemecatan Anwar dan sering berada di kediaman bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Selasa lalu, 21 daripada 25 anggota Exco Pemuda menjelaskan pendirian menyokong keputusan MT berhubung pemecatan Anwar daripada Kabinet dan parti.

(END)